


Name: _____

Register Number: _____

Class: _____

For Marker's Use



Parent's Signature: _____

NAN CHIAU HIGH SCHOOL

MID-YEAR EXAMINATION 2021 SECONDARY FOUR EXPRESS

MALAY LANGUAGE (SPECIAL PROGRAMME)

1133/02

Paper 2

7 May 2021, Friday

Total Marks: 30

1 hour 15 minutes

Candidates answer on the Question Paper.

READ THESE INSTRUCTIONS FIRST

Write your name, class and index number in the spaces provided on the question paper.

Write in dark blue or black pen.

Do not use staples, paper clips, highlighters, glue or correction fluid.

ARAHAN UNTUK CALON

1. Baca dengan teliti arahan-arahan yang diberi bagi tiap-tiap bahagian dan jawab soalan seperti yang diarahkan.
2. Tulis jawapan kamu di ruang yang disediakan di Kertas Soalan.
3. Sebelum kamu mula menjawab, tulis nama dan nombor indeks kamu dengan betul pada kulit hadapan Kertas Soalan.
4. Kamu tidak dibenarkan membawa Kertas Soalan dan Kertas Jawapan keluar.

Setter: Cikgu Irdtiani Binti Mohamed

This question paper consists of **9** printed pages, including this cover page.

BAHAGIAN A (10 markah)

Arahan: Bagi setiap soalan, terdapat empat patah perkataan yang disenaraikan. Pilih perkataan yang sesuai daripada senarai yang diberikan itu. Kemudian, tulis jawapan pilihan kamu di dalam ruangan yang disediakan.

Soalan A1 (5 markah)

Jom sarapan!

Oleh: Fadilah Binte Haron

Isnin, 5 April 2021



Tahukah anda, sarapan amat penting?

Sarapan (1)_____ makanan pertama yang akan ditukarkan kepada tenaga. (2)_____ sarapan, kita akan berasa terlalu lapar, mudah marah dan letih. Kita seharusnya melebihkan protein dan serat pada waktu pagi. Protein diperlukan (3)_____ tumbesaran tulang kita. Namun, (4)_____ protein tidak boleh melebihi had yang disarankan dalam

piramid makanan. Manakala, bijirin oat dan roti gandum adalah antara makanan yang (5)_____ serat. Jangan lupa untuk makan sayur-sayuran dan buah-buahan juga untuk mendapatkan vitamin dan mineral.

- | | | | | | |
|----------|-------------------------------------------------------|----------|----------|-----------------------------------------------------------------|----------|
| 1 | (A) itu
(B) adalah
(C) sedang
(D) merupakan | () | 2 | (A) Tiada
(B) Tidak
(C) Tanpa
(D) Bukan | () |
| 3 | (A) oleh
(B) agar
(C) demi
(D) sekiranya | () | 4 | (A) diambil
(B) terambil
(C) mengambil
(D) pengambilan | () |
| 5 | (A) tinggi
(B) tingkat
(C) rendah
(D) kurang | () | | | |

Soalan A2 (5 markah)

Media Sosial

Media sosial bukan sekadar platform komunikasi dan hiburan tetapi juga membawa banyak manfaat (6) _____ kita. Namun, kita harus menggunakan media sosial dengan betul, bijak dan bertanggungjawab. Pastikan kita mempertimbangkan (7) _____ sebelum membuat hantaran atau pos. (8) _____ izin sebelum memuat naikkan gambar yang mengandungi wajah orang lain. Jangan meluahkan pendapat tanpa (9) _____ perasaan orang lain. Hormatilah privasi orang lain. (10) _____ tidak pasti tentang sesuatu perkara, usah kongsi. Berita palsu hanya akan memburukkan keadaan sekiranya ia menimbulkan perasaan panik.



- | | | |
|-----------|------------------------------------------------------|----------|
| 6 | (A) ke
(B) dari
(C) kepada
(D) dengan | () |
| 8 | (A) Sila
(B) Minta
(C) Tanya
(D) Jemput | () |
| 10 | (A) Jika
(B) Tetapi
(C) Kerana
(D) Walaupun | () |

- | | | |
|----------|------------------------------------------------------------------|----------|
| 7 | (A) awal
(B) sejak
(C) dahulu
(D) pertama | () |
| 9 | (A) pemikir
(B) difikirkan
(C) pemikiran
(D) memikirkan | () |

BAHAGIAN B (10 markah)

Soalan B1 (4 markah)

Arahan: Berdasarkan rangsangan grafik yang diberikan, pilih jawapan yang paling sesuai bagi setiap soalan yang berikut. Tulis huruf jawapan pilihan kamu di ruangan yang disediakan.

Anda mahu menjadi seorang sukarelawan?
Ingin mendampingi golongan kurang upaya
tetapi tidak tahu bagaimana?
Ayuh, sertai...

Kursus

Sukarelawan sokongan golongan Kurang Upaya

Para sukarelawan dapat belajar ...

- bahasa isyarat
- berkomunikasi dengan berkesan
- cara-cara untuk memberi sokongan untuk golongan kurang upaya bersosial dan melakukan aktiviti-aktiviti menarik seperti bersukan, melukis dan membuat kraf tangan



Syarat:

- berusia 15 tahun ke atas
- suka bersahabat
- bersifat ingin tahu, bermotivasi dan penyabar

17 & 24 hari bulan April

9 hingga 11 pagi

Enabling Village
20 Lengkok Bahru
Singapore 159053



Marilah kita menjadi masyarakat yang lebih inklusif dan penyayang!

11 Kursus ini sesuai untuk _____.

- (A) kanak-kanak
- (B) sesiapa yang mahu belajar bahasa isyarat
- (C) remaja yang mahu mendampingi golongan kurang upaya
- (D) sukarelawan yang mahu belajar cara-cara untuk bersahabat dengan orang lain

()

12 Sokongan sukarelawan diperlukan _____.

- (A) di Enabling Village
- (B) pada 17 & 24 hari bulan April
- (C) untuk memupuk sifat ingin tahu dan sabar dalam diri masing-masing
- (D) untuk membantu golongan kurang upaya bersosial dan melakukan pelbagai aktiviti

()

Soalan B2 (6 markah)

Karnival Sukan **KELUARGA**

“Bersama membina keluarga harmoni”



PERCUMA!
Datang beramai-ramai

CABUTAN
BERTUAH
Menanti Anda!

Tarikh: 12 Februari 2021 (Ahad)
Masa: 8.30 pagi hingga 3.30 petang
Tempat: Padang Singapura
Anjuran: Kementerian Kesihatan Singapura

Acara

8.30 pagi - 9.30 pagi	Aerobik
9.30 pagi - 11 pagi	Futsal*
11 pagi - 11.30 pagi	Ucapan tetamu terhormat & Cabutan Bertuah
11.30 pagi - 12.30 tengah hari	Zumba
1.30 petang - 2.30 petang	Boling padang*
2.30 petang - 3.30 petang	Sukaneka* & Cabutan Bertuah

* Sila daftar di kaunter untuk menyertai aktiviti tersebut, 30 minit sebelum aktiviti bermula.

☺ Semua aktiviti sangat sesuai dan menarik untuk dilakukan bersama ahli keluarga anda ☺
Ayuh, pupuk kerjasama dan galak interaksi antara ahli keluarga!

Nikmati hidangan lazat & sihat yang disediakan dengan bahan-bahan organik.
Nasi Lemak | Kuih-muih | Salad | Kek Cawan | Piza | Spageti | Milo | Susu | Jus Buah-buahan

Penaja Utama:



DECATHLON

MARIGOLD®

- 13** Karnival Sukan Keluarga ini akan mengeratkan hubungan antara ahli keluarga kerana _____.
(A) ramai orang akan datang ke sana
(B) boleh menang dalam cabutan bertuah
(C) dapat menikmati pelbagai makanan dan minuman yang lazat
(D) perlu bekerjasama dan berinteraksi ketika melakukan aktiviti bersama
()
- 14** Keluarga-keluarga harus mendaftar jika ingin _____.
(A) membeli hidangan
(B) layak untuk cabutan bertuah
(C) mendengar ucapan tetamu terhormat
(D) mengambil bahagian dalam futsal, boling padang dan sukaneka
()
- 15** Karnival ini menggalakkan gaya hidup sihat kerana _____.
(A) penaja utama menyediakan bahan-bahan organik
(B) ia dianjurkan oleh Kementerian Kesihatan Singapura
(C) para peserta boleh bergiat secara aktif dan menikmati hidangan yang menyihatkan
(D) para peserta tidak perlu membayar apa-apa untuk menyertai mana-mana kegiatan
()

BAHAGIAN C (10 markah)

Arahan: Baca teks berikut dengan teliti.

Kelas pada pagi itu sangat kecoh. Cikgu Ahmad sedang berbincang tentang topik aspirasi dan cita-cita kepada murid-muridnya. Demi menarik minat murid-muridnya, Cikgu Ahmad juga menunjukkan gambar-gambar lamanya. Dia begitu ghairah menceritakan tentang pengalamannya sebagai seorang lulusan universiti dan kepuasannya menjadi seorang guru. Tak dilupakan juga, bekas-bekas pelajarnya yang sudah berjaya menjadi doktor, peguam dan polis.

Semasa dia bercerita, murid-muridnya bertanya soalan itu dan ini kepada Cikgu Ahmad. Mereka juga berkongsi tentang cita-cita kerjaya mereka. Cikgu Ahmad bangga dengan murid-muridnya yang bersifat ingin tahu dan berwawasan. Ada juga yang ingin menjadi seorang guru sepertinya dan mula menanyakan tentang gaji, kelayakan dan lain-lain.

Namun, dia mulai sedar salah seorang murid lelaki diam membantu, tidak ajukan satu soalan atau berikan pendapat pun. Malah, dia hanya **termenung** sahaja. Lama-kelamaan, Cikgu Ahmad tidak dapat menahan perasaan ingin tahu lalu dia bertanya, “Mengapakah kamu diam? Kalau ada soalan, tanyalah. Apakah cita-cita kamu, Farid?”

Farid diam sebentar. Kemudian, dia berkata, “Saya memang minat mencuba makanan dan permainan baharu dan ingin memberitahu kepada semua orang di seluruh dunia tentang pendapat saya. Tambahan pula, saya mahu menggalakkan orang ramai supaya melakukan kerja-kerja sukarelawan. Oleh itu, dewasa kelak, saya ingin menjadi seorang *Influencer*.”

Cikgu Ahmad terperanjat apabila mendengar kata-kata Farid. Perkataan *Influencer* atau pempengaruh sangat asing baginya. Dia bingung. Dia semakin keliru apabila murid-murid yang lain tiba-tiba bertepuk tangan dan bersiul. Mereka seakan-akan setuju dengan Farid.

Akhirnya, Cikgu Ahmad sedar sebagai guru, dia harus ambil tahu dan tidak boleh ketinggalan. Dia harus menyokong impian muridnya itu dan akur bahawa zaman sudah berubah. Dengan tercetusnya fenomena Internet serta media sosial, pekerjaan dan kerjaya yang tidak pernah wujud sebelum ini tiba-tiba muncul.

Arahan: Berdasarkan teks di halaman 8, jawab soalan-soalan yang diberikan. Tulis jawapan kamu di dalam ruangan yang disediakan.

- 16 Berikan **dua** bukti yang menunjukkan pelajar-pelajar seronok dan tertarik belajar di dalam kelas Cikgu Ahmad. (4 markah)

- 17 Mengapakah Farid mahu menjadi seorang pempengaruh? (2 markah)

- 18 Apakah fikiran Cikgu Ahmad setelah mendengar penjelasan Farid dan respons pelajar-pelajar yang lain? (2 markah)

- 19 (i) Berikan maksud '**termenung**' berdasarkan penggunaannya dalam teks. (1 markah)

- (ii) Berikan perkataan dalam perenggan 6 yang bermaksud **mendorong atau memberi perangsang**. (1 markah)

Selesai

** Do not print **
Menengah 4 Ekspres

SKEMA JAWAPAN MSP4 MYE K2 2021

Bahagian A	
1. D - merupakan 2. C - tanpa 3. C - demi 4. D - pengambilan 5. A - tinggi	6. C - kepada 7. C - dahulu 8. B - minta 9. D - memikirkan 10. A - jika

Bahagian B	
11.(C) 12.(D)	13.(D) 14.(D) 15.(C)

Bahagian C

16. (Mesti ada 2 jawapan)

- Pelajar-pelajar banyak bertanya kepada Cikgu Ahmad.
- Pelajar-pelajar juga berkongsi tentang cita-cita kerjaya mereka.

17. (mana-mana 1 jawapan)

- Farid memang minat mencuba makanan dan permainan baharu dan ingin memberitahu kepada semua orang di seluruh dunia tentang pendapatnya.
- Farid mahu menggalakkan orang ramai supaya melakukan kerja-kerja sukarelawan.

18. (mana-mana 1 jawapan)

- (A) Sebagai guru, Cikgu Ahmad harus ambil tahu dan tidak boleh ketinggalan. (2m)
- (B) Cikgu Ahmad harus menyokong impian muridnya itu dan akur bahawa zaman sudah berubah. (2m)
- (C) Perkataan pempengaruh sangat asing baginya. (1m + harus ada tambahan jawapan A / B)

19 i) berfikir panjang, memikir dalam-dalam

ii) menyokong